

RINGKAS**Harga RON97 naik 12 sen**

Putrajaya: Harga runcit bagi petrol RON97 naik 12 sen kepada RM2.79 seliter manakala RON95 dan diesel kekal masing-masing pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter berkuat kuasa tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan dalam kenyataannya semalam berkata, harga bahan api berkenaan ditetapkan bagi tempoh 28 September hingga 4 Oktober ini berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

Menurutnya, berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama masing-masing adalah RM2.49 seliter dan RM2.39 seliter.

"Ini menunjukkan kenaikan dari minggu lalu bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.37 seliter dan kenaikan bagi harga runcit produk diesel yang berada pada paras RM2.32 seliter.

"Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat," katanya.

**RON95
dan diesel
kekal pada
paras
RM2.08
seliter dan
RM2.18
seliter**